

# **GARIS PANDUAN**

## **PERMOHONAN UNTUK MENJADI SYARIKAT AP TERBUKA**

---

### **1. PENDAHULUAN**

Garis panduan ini merangkumi syarat-syarat kelayakan untuk memohon sebagai syarikat AP Terbuka (Kereta dan Motosikal) dan prosedur permohonan.

### **2. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN MEMOHON**

2.1. Syarikat-syarikat yang layak memohon adalah seperti berikut:

- (i) Syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan bertaraf Sdn. Bhd.;
- (ii) Syarikat berstatus Bumiputera yang memenuhi kriteria berikut:
  - a) saham-saham syarikat dimiliki 100 peratus oleh individu Bumiputera;
  - b) semua Ahli Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada Bumiputera;
  - c) jawatan Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan/Pengurus Besar, Pengurus Cawangan, Pengurus Pemasaran/Jualan dan jawatan-jawatan penting lain (*key posts*) hendaklah dipegang oleh Bumiputera; dan
  - d) pengurusan kewangan syarikat hendaklah dikuasai oleh Bumiputera. Kuasa menandatangani cek hendaklah juga dipegang oleh Bumiputera.
- (iii) Syarikat mempunyai pengalaman dan sedang beroperasi dalam bidang penjualan dan pengedaran kenderaan (kereta dan motosikal) minimum dua (2) tahun dan disokong dengan:

- a) aktiviti utama yang didaftarkan dalam dokumen Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
  - b) penyata kewangan syarikat yang telah diaudit oleh juruaudit bertauliah bagi dua (2) tahun terkini; dan
  - c) lesen perniagaan milik syarikat yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi premis yang menjalankan aktiviti penjualan dan pengedaran kenderaan (kereta dan motosikal) bagi tempoh 2017 hingga 2019.
- (iv) Mempunyai modal berbayar minimum RM1 juta dan maksimum RM10 juta;
  - (v) Syarikat tidak mempunyai perubahan pemegang saham/Ahli Lembaga Pengarah dalam tempoh dua (2) tahun sebelum memohon untuk mendapatkan AP Terbuka;
  - (vi) Sekiranya syarikat memohon AP Terbuka kereta, pemegang saham/Pengarah/Pengurusan syarikat tidak mempunyai kepentingan dalam syarikat AP Terbuka kereta lain;
  - (vii) Sekiranya syarikat memohon AP Terbuka motosikal, pemegang saham/Pengarah/Pengurusan syarikat tidak mempunyai kepentingan dalam syarikat AP Terbuka motosikal lain;
  - (viii) Syarikat mempunyai minimum bilangan pekerja sepenuh masa sedia ada di peringkat pengurusan, pemasaran dan teknikal seramai 5 orang pekerja tempatan;
  - (ix) Syarikat telah sedia ada memiliki atau menyewa kemudahan ruang pejabat dan bilik pameran yang bersesuaian;
  - (x) Syarikat mempunyai keupayaan dari segi pengurusan dan kewangan untuk menjalankan perniagaan penjualan kenderaan yang diimport melalui AP Terbuka

- dan dibuktikan dengan rekod jualan yang dinyatakan melalui penyata kewangan telah diaudit untuk tempoh dua (2) tahun terkini; dan
- 2.2. Syarikat (termasuk Ahli Lembaga Pengarah dan pemegang saham) yang telah disenarai hitam oleh Kementerian tidak layak memohon.

### **3. PROSEDUR PERMOHONAN**

#### **3.1. Borang Permohonan**

- (i) Syarikat perlu mengemukakan Borang Permohonan AP Terbuka beserta dokumen yang disenaraikan dalam borang permohonan kepada Kementerian ini; dan
- (ii) Borang permohonan boleh diperolehi dengan memuat turun di  
<https://www.miti.gov.my/index.php/pages/view/5539>

### **3.2. Penghantaran Permohonan**

- (i) Permohonan akan dibuka mulai **1 Ogos 2019 hingga 30 September 2019**. Borang permohonan beserta dokumen yang lengkap perlu **diterima dalam tempoh yang telah ditetapkan** oleh Kementerian. Sebarang permohonan yang diterima selepas 30 September 2019 **tidak akan dipertimbangkan**.
- (ii) Permohonan AP Terbuka yang lengkap boleh dikemukakan melalui:

Serahan Tangan

**Kaunter 8**

**Seksyen Kawalan Eksport dan Import**

Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri  
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri  
Aras 2, Menara MITI  
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah  
50480 Kuala Lumpur

(Waktu Operasi: 9.00 pagi hingga 4.00 petang pada setiap hari kecuali Sabtu, Ahad dan cuti umum)

**atau**

Pos

**Pengarah**

**Seksyen Kawalan Eksport dan Import**

Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri  
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri  
Aras 7, Menara MITI  
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah  
50480 Kuala Lumpur

#### **4. PERINGATAN**

4.1. Syarikat-syarikat diingatkan bahawa:

- (i) Kementerian tidak melantik mana-mana pihak sebagai ejen/pengantara untuk menerima dan menilai permohonan AP Terbuka;
- (ii) sebarang pemalsuan maklumat berkaitan permohonan AP Terbuka akan menyebabkan permohonan syarikat dibatalkan dan syarikat (termasuk Ahli Lembaga Pengarah dan pemegang saham) akan disenarai hitam;
- (iii) penerimaan borang permohonan beserta dokumen tidak menjamin kelulusan dan hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diproses;
- (iv) proses penilaian adalah berdasarkan pematuhan kepada syarat-syarat kelayakan untuk memohon sebagai Syarikat AP Terbuka dan hasil dapatan audit oleh Kementerian; dan
- (v) proses penilaian ini juga tertakluk kepada dasar semasa, garis panduan dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

#### **5. PERTANYAAN LANJUT**

5.1. Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan permohonan AP Terbuka, sila hubungi:

**Seksyen Kawalan Eksport dan Import  
Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri  
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri  
Aras 2, Menara MITI  
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah  
50480 Kuala Lumpur**

Nombor telefon : 03 - 6208 4728/4732/4733  
E-mel : ap@miti.gov.my